

Kes penipuan e-dagang semakin meningkat

KUALA LUMPUR - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengaku pihaknya menerima purata 2,500 aduan setiap bulan, dengan kira-kira 26 peratus daripada angka Julai 2019 terdiri daripada penipuan e-dagang.

Menterinya, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, beliau sangat bimbang dengan kenaikan mendadak aduan melibatkan e-dagang.

Selain penipuan, Saifuddin Nasution berkata, kenaikan harga makanan dan minuman juga antara aduan yang diterima pihaknya.

"Kami aduan nombor satu oleh pengguna adalah penipuan dalam talian yang merangkumi barangan yang dibeli dalam talian teta-

pi tidak sampai kepada pengguna, memesan barangan yang tidak diiklankan, menerima barangan yang berbeza dan menerima barangan yang rosak," katanya kepada pemberita pada majlis Lazada Wecommerce Satellite Tradeshow di sini semalam.

Majlis itu merupakan acara utama untuk sidang kemuncak penjual Wecommerce 2019 Lazada akan datang yang bertujuan untuk berkongsi amalan terbaik dan terlibat dalam peluang padanan perniagaan.

Saifuddin Nasution berkata, idea awal e-dagang adalah untuk memberi tawaran hebat dan memudahkan pengguna tetapi sekiranya penipuan dalam talian tidak ditangani, ia akan menjejaskan keyakinan pengguna.

"Pertama sekali, untuk menambah baik

e-dagang digital di Malaysia, kita mesti meningkatkan kepercayaan kita untuk memerangi peningkatan penipuan e-dagang," katanya.

Beliau berkata, pada Julai 2018, kes-kes penipuan e-dagang berada pada kedudukan kedua dalam kekerapan aduan kepada MDITCA iaitu sebanyak 18.6 peratus keseluruhan aduan.

Bagaimanapun, beliau berkata, jumlah itu terus meningkat dan pada bulan lepas, secara rasmi menjadi aduan yang paling kerap diterima MDITCA iaitu 26.2 peratus dari keseluruhan aduan.

Beliau berkata, platform e-dagang mesti merangka mekanisme yang cekap untuk mencegah penipuan e-dagang dan memproses bayaran balik dengan segera.

- Bernama